

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

SHOWCASE merupakan acara yang biasanya dianjurkan oleh institusi pendidikan untuk mempamerkan hasil kerja pelajar yang sedang menamatkan sijil , diploma atau ijazah mereka. Pameran ini memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan kemuncak usaha akademik dan kreatif mereka semasa berada di institusi. Acara itu mungkin termasuk pelbagai projek, karya seni, persembahan atau persembahan bergantung pada sifat program. **CLO 3**

Berdasarkan pada pernyataan di atas, anda dikehendaki merancang satu aktiviti **SHOWCASE** untuk mempersembahkan hasil projek penilaian akhir subjek bagi semester tiga. Anda juga dikehendaki menghasilkan sebuah **VIDEO RESUME** yang mengintegrasikan segala perancangan dan aktiviti *showcase* dan persembahan resume portfolio.

Video yang dihasilkan adalah dalam format *.mp4. Saiz video adalah 1920 x 1080 pixel dengan kadar kerangka 25 fps. Video yang dihasilkan perlu dihantar melalui link *Google Drive* yang akan diberikan oleh pensyarah. Anda juga perlu menyediakan laporan ringkas daripada hasil pembikinan video tersebut. Segala butiran seperti yang berikut :

- a) Melaksanakan aktiviti mengorganisasi *showcase*.
 - i. Terangkan proses mengorganisasi *showcase* dengan urutan yang tepat dan jelas.

(15 markah)
 - ii. Laksanakan organisasi *showcase* dengan efektif.

(15 markah)

- b) Melaksanakan aktiviti pembentangan *showcase*.
- i. Huraikan penjelasan bagi setiap pertanyaan dengan tepat dan jelas.
(15 markah)
 - ii. Laksanakan pembentangan dengan menggunakan intonasi dan suara yang jelas.
(15 markah)
- c) Intergrasikan komponen portfolio melalui video resume.
- i. Bangunkan video *resume* dengan kandungan yang khusus dengan jelas.
(15 markah)
 - ii. Bangunkan video resume dengan pelbagai *shot* dan komposisi yang bersesuaian.
(15 markah)
 - iii. Bangunkan video yang disunting dengan penggunaan audio dan muzik latar yang sesuai.
(10 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab